

15 APR 1997

MENTERI PERTAHANAN FPDA KUNJUNGI DI MAHATHIR (dengan gambar)

KUALA LUMPUR, April 15 (Bernama) -- Menteri-menteri pertahanan dari Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 45 minit di pejabatnya di sini.

Mereka ialah Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Syed Hamid Albar, Menteri Pertahanan Singapura Dr Tony Tan yang juga Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan Australi Ian McLachlan, Menteri Pertahanan New Zealand Paul East QC dan Setiausaha Rendah Parlimen bagi Pertahanan United Kingdom, Earl Howe.

Mereka berada di sini untuk menghadiri mesyuarat FPDA di sini hari ini.

-- BERNAMA

RAZ WAT